

MAHATHIR-KAMPUNG

1983

BANGI, 27 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA ORANG KAMPUNG PERLU MEMODENKAN CARA HIDUP MEREKA DENGAN MENJADIKAN INDUSTRI KAMPUNG SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA CARA HIDUP UNTUK MENINGGIKAN PENDAPATAN DI SAMPING BERTANI.

KATANYA, MEREKA TIDAK BOLEH TERUS BERGANTUNG PADA CARA TRADISIONAL SAHAJA UNTUK MENINGGIKAN PENDAPATAN KERANA CARA ITU 'HANYA UNTUK CUKUP HIDUP SAJA.'

PERDANA MENTERI BERKATA RANCANGAN INDUSTRI KAMPUNG YANG DILAKSANAKAN SECARA TERSUSUN OLEH KERAJAAN MEMPUYAI POTENSI MENINGGIKAN PENDAPATAN ORANG KAMPUNG DAN MEREKA PERLU LAH MEMASUKI BIDANG ITU UNTUK FAEDAH DIRI SENDIRI.

BERUCAP MELANCARKAN KEMPEN KESEDARAN RANCANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KAMPUNG DAN KARYANeka DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) DI SINI, BELIAU BERKATA INDUSTRI KAMPUNG MERUPAKAN CARA BARU KERAJAAN MEMPERBAIKI KEADAAN ORANG KAMPUNG.

PERUSAHAAN KAMPUNG JIKA DIBAHAKAN DENGAN CARA PEMBUATAN DAN PENGURUSAN YANG SESUAI MENUNTAI PASARAN BAIK DI DUNIA, KATANYA. -- LAGI 1520/PA

MAHATHIR-KAMPUNG 2 BANGI

BELIAU MENGGARISKAN ASPEK-ASPEK PERLU UNTUK MEMAJUKAN INDUSTRI KAMPUNG:--

- + JAMINAN BEKALAN YANG BANYAK DAN DAPAT DIADAKAN TEPAT PADA WAKTU:
- + PENGELUARAN YANG MEMPUYAI STANDARD TERTENTU: DAN
- + HARGA YANG TETAP.

KATANYA PENGELUARAN SECARA SAKBIL LEWA TIDAK SESUAI UNTUK PASARAN MODEN DAN OLEH ITU PENGURUSAN YANG TERATUR DENGAN MENGAMBIL KIRA PESANAN-PESANAN YANG DIBUAT PERLU DIADAKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENASIHATI ORANG-ORANG KAMPUNG YANG TERLIBAT DENGAN INDUSTRI KAMPUNG JANGAN IRI HATI DENGAN KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI OLEH ORANG TENGAH YANG MEMASARKAN HASIL KERJATANGAN MEREKA.

KATANYA ORANG TENGAH TIDAK BOLEH DIANGGAP TIDAK BAIK DALAM HAL INI KERANA IA PERLU DALAM SISTEM PEMASARAN HASIL INDUSTRI KAMPUNG.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA ADALAH TIDAK MENASABAH UNTUK MEMASARKAN HASIL KERJATANGAN 'SEPERTI DUA TIGA BUAH BAKUL' SESEORANG ITU TERPAKSA MENJUALNYA SENDIRI DI LUAR NEGERI KERANA TIDAK MAHU ORANG TENGAH MENJUALNYA. -- LAGI 1525/PA

ZCZC B569

MAHATHIR-KAMPUNG 3 BANGI

BELIAU BERKATA SESUAI DENGAN CARA PENGELUARAN MODEN, KILANG-KILANG KECIL YANG DIURUS OLEH PENDUDUK KAMPUNG DENGAN BANTUAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN LUAR BANDAR AKAN DIADAKAN DI KAMPUNG-KAMPUNG.

KATANYA ADA JENIS-JENIS PERUSAHAAN YANG BOLEH MENGUNTINGKAN TETAPI TIDAK DIJALANKAN DI KAMPUNG-KAMPUNG TETAPI DENGAN ADANYA JENTERA BARU IA ITU DAPAT DIUSAHAKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN KAMPUNG TIDAK AKAN MENGALAMI MASALAH MENDAPATKAN PINJAMAN BANK UNTUK MEMULAKAN PERUSAHAAN KAMPUNG SEKIRANYA PROJEK MEREKA TERNYATA MENGUNTINGKAN. -- BERNAMA 1528/PA